

UMS diminta peka keperluan

VB 1.8.2019 A6

Oleh SADDAM EDRIS

► Untuk penuhi kehendak industri di negara ini

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) diminta peka terhadap garis panduan kerajaan berkaitan keperluan dan kehendak industri di negara ini khususnya di Sabah.

Menteri Pelajaran dan Inovasi Datuk Dr Yusof Yacob berkata, ia bertepatan dengan kepelbagaiannya industri berpotensi berkembang seperti industri perkayuan, minyak dan gas, pertanian, pelancongan dan beberapa bidang lain yang boleh dimanfaatkan.

Bagaimanapun katanya, graduan dilatih bukan hanya untuk keperluan industri, tetapi menjadi insan yang mempunyai kebolehan berkomunikasi, pemasaran dan mampu mempromosikan ekonomi Sabah.

“Kita tidak boleh bergantung kepada kerja makan gaji kerana Sabah mempunyai kepelbagaiannya industri yang cepat berkembang untuk dimanfaatkan oleh pihak universiti.

“Jadi kita harap UMS akan menjalin kolaborasi dengan industri ini secara produktif serta proaktif dan mengajukan soalan mengenai keperluan tenaga kerja diperlukan industri,” katanya.

Beliau berkata demikian ke-



D KAMARUDIN (kiri) menyerahkan buku serah tugas kepada Taufiq (kanan) sambil disaksikan oleh Yusof (tiga, kanan) pada majlis berkenaan.

tika ditemui pemberita pada sidang media selepas Majlis Serah Tugas Naib Canselor UMS, di sini pada Rabu.

Sehubungan itu beliau akan sentiasa memberi sokongan padu, kerjasama berhubung keperluan yang diperlukan oleh UMS.

Selain itu, Yusof berkata, kementeriannya juga akan memastikan UMS terus menjadi universiti yang

dikenali dengan kepelbagaiannya hasil kajian serta penyelidikan khususnya berkaitan biodiversiti.

Katanya, ia bersesuaian dengan kepelbagaiannya sumber ekosistem semula jadi seperti flora dan fauna yang belum diterokai dan didokumentasikan.

“Kita harap kajian ini tidak akan berhenti dan hasilnya boleh menjadi bahan produk

yang boleh dipasarkan pada masa akan datang.

“Justeru, saya turut menawarkan hutan di Sipitang se-luas 400 ekar hutan sebagai eko pelancongan dan penyelidikan yang akan diusahakan UMS dalam masa terdekat ini,” katanya.

Mengulas mengenai ambil alih tugas Profesor Dr Taufiq Yap Yun Hin sebagai Naib Canselor keenam menggan-

tikan Profesor Datuk Dr D.Kamarudin D.Mudin, beliau yakin Taufiq mampu menerajui universiti dengan baik seperti hasil kepimpinan sebelum ini.

“Saya yakin Profesor Taufiq akan meneruskan dasar-dasar yang ada dan memperbaiki kekurangan melalui pendekatan baharu agar universiti ini dikenali di seluruh dunia.

“Kita juga mengucapkan terima kasih kepada Professor D Kamarudin kerana sudah menjalankan tugas dengan baik dan harap usaha ini akan menjadi revolusi ke arah menjadikan UMS terkenal pada masa hadapan,” katanya.

Dalam pada itu, Taufiq tekad untuk terus meneruskan legasi kecemerlangan UMS seiring dengan moto ‘Bertekad Cemerlang’.

Beliau juga akan terus berusaha meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran graduan UMS supaya sesuai dengan keperluan industri 4.0.

Turut hadir Pengurus Lembaga Pengarah UMS Datuk KY Mustafa dan mantan Naib Canselor keempat, Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.